

7 FEBRUARI 2010

Kejar pengedar 60km

SUNGAI PE TANI: Selepas dikejar kira-kira 60 kilometer hampir sejam, dua lelaki berusia 20-an dipercayai pengedar dadah akhirnya tewas di tangan polis apabila ditahan di Sungai Lalang, dekat sini, malam kelmarin.

Sebelum itu tiga suspek terbabit yang menaiki kereta Proton Satria yang diubah suai melarikan diri dari sekatan jalan raya di Kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang, kira-kira jam 10 malam.

Sumber polis berkata, dalam kejadian itu tiga suspek yang menaiki kereta terbabit dilihat dalam keadaan mengurungkan ketika menghampiri sekatan jalan raya itu.

Katanya, polis cuba me-

nahan kereta terbabit tetapi pemandunya memcut serta merempuh sekatan polis.

Berikutan itu, dua kereta peronda, termasuk sebuah kereta peronda jenis Mitsubishi Evolution, mengejar suspek yang menghala ke Lebuhraya Utara Selatan arah Utara dan pada masa sama suspek juga cuba merempuh kereta peronda berkenaan.

"Suspek kemudian memcut ke arah bandar ini sebelum memasuki Plaza Tol Sungai Petani Utara dan memcut ke arah Sungai Lalang, di sini," katanya.

Katanya, sebaik tiba di Sungai Lalang, kereta suspek berjaya dipintas polis selepas memasuki jalan mati dan mereka cuba melarikan diri ke kawasan kampung ber-



TAHAN... salah seorang suspek dipercayai pengedar ditahan polis selepas mengejar dari Prai hingga ke Sungai Petani.

hampiran, namun berjaya ditahan polis.

Bagaimanapun, seorang lagi rakan suspek berjaya melarikan diri dan usaha mengesannya kini giat dijalankan.

Hasil pemeriksaan, polis menjumpai sejumlah paket plastik mengandungi serbuk

putih dipercayai dadah dan pemeriksaan lanjut mendapati kereta berkenaan memiliki cukai jalan yang tamat tempoh.

Dua suspek yang ditahan berasal dari Yan dan dipercayai pengedar dadah serta bergerak aktif di kawasan berkenaan.